

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM PERSATUAN PERKHIDMATAN TADBIR
DAN DIPLOMATIK PPTD)

TEMPAT: HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR (K.L)

TARIKH: 23 JUL 1993

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik kerana menjemput saya ke Majlis Jamuan Makan Malam PPTD tahun ini.

2. Saya berasa gembira diberi peluang ini untuk beramah mesra dan mengeratkan lagi hubungan antara kita semua. Persefahaman dan kerjasama antara pemimpin Kerajaan pilihan rakyat, iaitu pemimpin politik, para pentadbir serta pemimpin-pemimpin korporat di dalam sesebuah negara adalah sangat penting dalam usaha memajukan negara. Pemimpin pemimpin pengurusan yang diamanah dan diharapkan oleh rakyat untuk menguruskan hal ehwal negara perlu sentiasa komited serta kreatif dalam menangani segala cabaran. Mereka harus cekap dan tekun dalam menjalankan urusan mereka. Mereka perlu mempunyai 'vision' dan 'a sense of mission' apabila menjalankan tugas. Bagi mereka balasan yang utama ialah prestasi kejayaan yang mereka capai dalam menjalankan tugas. Dan kejayaan ini terbukti dan boleh diukur daripada pertumbuhan yang ditunjuk oleh negara.

3. Kita harus mempunyai komitmen yang mendalam untuk membawa negara menempuh Abad ke-21. Hanya Malaysia sahaja antara negara-negara di dunia yang mempunyai matlamat yang tetap dan tepat. Kita telah tentukan bahawa kita mahu menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020. Penentuan matlamat ini penting. Ia menolong perancangan dan penyusunan langkah untuk matlamat berkenaan.

4. Segala-galanya akan ditentukan oleh Tuhan. Tetapi ini tidak bermakna kita tidak boleh menentukan arah dan matlamat. Insya-Allah jika kita betul-betul berusaha, kemungkinannya ialah kita akan mencapai matlamat kita. Sebaliknya jika kita tidak tahu ke mana hendak kita pergi, agak sukar bagi kita mengatur langkah dan kemungkinan kita mencapai sesuatu agak lemah.

5. Untuk mencapai sesuatu matlamat bagi diri sendiri atau bagi negara, banyak yang perlu diketahui dan dibuat. Semuanya penting, walaupun ada yang lebih penting daripada yang lain. Antara perkara yang penting bagi sesebuah negara yang perlu kita tahu dan kita usahakan ialah kestabilan politik.

6. Kita boleh lihat bagaimana negara yang tidak stabil politiknya tidak dapat mencapai kemajuan walaupun faktor faktor lain amat sesuai. Sesebuah negara mungkin kaya daripada segi sumber alam, kecerdikan rakyat dan kecekapan bekerja, tetapi kerana politik tidak stabil maka semua aset ini menjadi sia-sia sahaja.

7. Sebaliknya jika politik stabil walaupun kekurangan aset, kemajuan boleh juga tercapai. Di Malaysia kita mempunyai banyak faktor yang boleh 'destabilise' politik kita. Tetapi kerana rakyat sedar bahawa politik untuk politik adalah sia-sia, maka keghairahan untuk berideologi atau berpuak-puak atau bersikap fanatik kepada pemimpin tidak mengganggu ketenteraman dan kestabilan negara. Tolak ansur dan toleransi menjadi amalan kita.

8. Para pentadbir dan pengurus dalam Kerajaan, mahu pun di pihak swasta, perlu faham akan pentingnya kestabilan politik. Mungkin kerananya ada pihak yang tidak mendapat semua yang dituntut. Tetapi mendapat sebahagian adalah lebih baik daripada memperolehi semua yang sudah rosak.

9. Walaupun secara langsung pengurus dan pentadbir tidak terlibat dengan politik, tetapi kesan daripada usaha dan urusan mereka dapat menentukan politik akan stabil atau tidak. Secara umum negara yang ditadbirkan dengan baik dan berjaya daripada segi ekonomi lebih mudah stabil. Sebaliknya seperti yang telah disebutkan, kestabilan politik pula memudahkan proses pertumbuhan ekonomi. Dengan itu adalah jelas bahawa politik dan ekonomi tidak boleh dipisahkan, bahkan masing-masing bergantung di antara satu dengan lain. Pengurus dan pentadbir hendaklah faham mengenai kaitan yang rapat di antara kedua-dua perkara ini, dan dengan itu akan berusaha melahirkan pentadbiran yang baik yang boleh membantu pembangunan ekonomi dan kestabilan politik.

10. Faktor kedua yang boleh menentukan kejayaan sesebuah negara ialah peranan pentadbir dan pihak swasta. Mengikut tradisi pemerintahan lama, pentadbir hanya mentadbir segala galanya termasuk sektor swasta. Dengan itu sikap pentadbir kepada swasta ialah sebagai pentadbir atau penguatkuasa undang-undang dan peraturan-peraturan. Yang diutamakan ialah undang-undang dan peraturan-peraturan dan bukan kepentingan swasta. Adalah dipercayai bahawa undang-undang dan peraturan-peraturan adalah untuk kebaikan masyarakat dan negara. Bahawa undang-undang dan peraturan-peraturan mungkin menghalang urusan perniagaan dan perusahaan tidak mendapat perhatian pentadbir.

11. Dengan ini perhubungan antara pentadbir dan pihak swasta tidak digalakkan. Sudah tentu kerjasama di antara kedua-dua pihak ini tidak wujud.

12. Tetapi sebenarnya kekayaan dan pembangunan negara bergantung kepada kejayaan peniaga dan pengusaha. Bukan sahaja mereka dikehendaki membayar cukai kepada Kerajaan,

tetapi juga kegiatan mereka menolong 'money circulation', mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan menggerakkan ekonomi. Wang yang tidak bergerak tidak akan membawa apa apa faedah. Peniaga dan pengusaha menggerakkan wang. Tanpa mereka pertumbuhan ekonomi tidak mungkin.

13. Jika peranan swasta dalam pertumbuhan ekonomi diakui maka Kerajaan yang ingin membangunkan negara hendaklah berusaha supaya pihak swasta dapat berfungsi dengan baik. Justeru itu, kerjasama antara Kerajaan, pentadbiran dan pihak swasta adalah wajar. Ia boleh menolong mewujudkan iklim perdagangan yang baik.

14. Konsep Persyarikatan Malaysia diasaskan kepada kesedaran ini. Walaupun penyelewengan mungkin berlaku, tetapi faedah daripada kerjasama ini adalah lebih daripada kemungkinan berlakunya perkara yang buruk.

15. Kita tidak dapat menilai secara kuantitatif hasil daripada pelaksanaan konsep Persyarikatan Malaysia. Tetapi hakikatnya ialah pertumbuhan ekonomi Malaysia sekarang lebih tinggi dari masa tidak adanya konsep Persyarikatan Malaysia. Sedikit sebanyak konsep ini atau kerjasama awam dan swasta telah menyumbang kepada kemajuan negara.

16. Memang benar konsep Persyarikatan Malaysia sahaja dengan sendirinya tidak mungkin membawa kejayaan. Tetapi faktor ini tetap berperanan penting.

17. Faktor ketiga ialah organisasi. Kelebihan negara negara Barat di zaman dahulu ialah mereka lebih tersusun dalam pentadbiran mereka, sama ada di peringkat negara atau di peringkat pasukan. Tentera mereka disusun rapi dan mempunyai 'hierarchy' yang jelas -- daripada 'general' di atas hingga kepada 'trooper' di bawah. Cara-cara memberi arahan juga ditentukan dan mempunyai maksud yang diketahui oleh semua peringkat. Dengan ini maka segala urusan dapat berjalan dengan tertib dan lancar. Faktor organisasi yang kemas inilah yang membolehkan negara Barat, dengan pasukan pasukan yang kecil menakluki, menguasai dan mentadbir wilayah-wilayah di Afrika, Amerika dan Asia yang mempunyai penduduk yang begitu ramai.

18. Hari ini kita telah sedar akan pentingnya berorganisasi dan berperaturan. Dengan menyusun diri dalam organisasi kita telah dapat merebut balik kemerdekaan kita dan mendirikan pentadbiran yang efektif. Sudah tentu dengan pentadbiran yang lebih cekap dan lebih kemas, kita akan lebih berjaya.

19. Para pentadbir dan pengurus tentu sedar akan hakikat ini. Usaha untuk meningkatkan struktur organisasi dan menyusun pengurusannya tidak mempunyai had. Negara yang ingin berjaya perlu menyemak struktur dan urusan organisasi pentadbirannya sepanjang masa. Dengan alat-alat moden pengurusan menjadi lebih mudah dan lebih cepat. Pendekatan baru dan latihan yang berulang adalah perkara yang penting

bagi meningkatkan keberkesanan pentadbiran.

20. Susunan 'hierarchy' adalah penting. Tetapi 'hierarchy' tanpa disiplin tidak bermakna. Justeru itu, pentadbiran yang ingin berjaya perlu berdisiplin. Disiplin bermakna organisasi adalah lebih penting daripada anggota individu.

21. Malaysia sedang bergerak ke arah Wawasan 2020, ke arah menjadi sebuah negara maju. Untuk bergerak dengan berkesan, selain daripada mengenali matlamat, kita perlu kepada kefahaman dan tindakan. Banyak faktor yang penting diperlukan.

22. Tetapi di sini kita menekankan beberapa faktor utama sahaja. Kita perlu kepada kestabilan politik. Kita perlu kepada Persyarikatan Malaysia. Dan kita perlu kepada organisasi-organisasi yang berdisiplin. Insya-Allah jika kita ada tiga faktor ini kemungkinan kita menjadi negara maju pada tahun 2020 adalah cerah.

23. Sebagai anggota PTD, tuan-tuan dan puan-puan akan memainkan peranan yang kritikal. Oleh itu fahaman tuan-tuan dan puan-puan terhadap faktor-faktor utama ini adalah penting. Sama-samalah kita berusaha untuk menjadikan negara dan bangsa kita bermaruah dan dihormati.

24. Dengan ini, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dan semoga tuan-tuan dan puan-puan akan terus bekerjasama dalam memenuhi amanah yang diberikan kepada tuan-tuan dan puan-puan.

Terima kasih.